

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 JANUARY 2017



NAJIB TUN RAZAK melihat khidmat bas sekolah percuma sumbangan dari Yayasan Pembangunan Rakyat Baling di Padang Awam, Kuala Ketil, Kedah, semalam. - UTUSAN/SAFRIZAL AZMI

PM rasmi ambulans, bas percuma

UM-18/1/2017

BALING 17 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini merasmikan perkhidmatan sebuah ambulans dan tiga bas percuma yang disediakan UMNO Bahagian Baling bagi kemudahan penduduk sempena lawatan kerjanya ke daerah ini.

Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, tiga bas percuma itu disediakan untuk kemudahan pelajar sekolah yang berada di pedalaman dan mempunyai masalah

pengangkutan ke sekolah.

"Ambulans pula adalah sebagai tambahan kepada kemudahan yang ada di Hospital Baling untuk membantu pesakit-pesakit yang memerlukan di waktu kecemasan.

"Perkhidmatan bas percuma itu merupakan salah satu langkah dalam Program Pembasmian Sifar Buta Huruf dalam kalangan rakyat supaya rakyatnya berilmu," kata Abdul Azeez ketika berucap sempena Program Sepetang Ber-

sama Perdana Menteri di Padang Awam, Kuala Ketil, hari ini.

Sementara itu, seorang penduduk, **Noridah Abdul**, 48, dari Malau Kuala Ketil dekat sini menyambut baik usaha pihak berkenaan menyediakan bas sekolah percuma serta ambulans untuk rakyat di daerah ini.

"Sekurang-kurangnya ia meringankan bebanan yang terpaksa kami tanggung, apatah lagi sekiranya mempunyai anak yang ramai," kata Noridah.